

Sarawak tingkat R&D perhutanan

LIONG CHAI LING

MIRI: Kerajaan Sarawak berse-
dia memperuntukkan dana bagi
meningkatkan aktiviti Penyelidi-
kan dan Pembangunan (R&D) per-
hutanan, dalam Belanjawan Negeri
akan datang.

Ketua Menteri, Datuk Patinggi
Abang Johari Tun Openg berkata,
untuk menyokong R&D di sektor
perhutanan, Kerajaan Sarawak di-
bawah pentadbiran Gabungan Parti
Sarawak (GPS) sedang mencari
kemungkinan bekerjasama rapat
dengan dua universiti tempatan
iaitu Universiti Putra Malaysia,
Kampus Bintulu dan Kolej Universi-
ti Teknologi Sarawak (UCTS).

"Kami mencadangkan agar
kedua-dua universiti ini untuk men-
jadi pusat penyelidikan perhutanan
di Sarawak kerana mereka mem-
punyai kepakaran dan kemudahan.

"Kerajaan Sarawak berse-
dia memperuntukkan dana untuk
melakukan penyelidikan kolabo-
ratif melalui pusat ini. Saya akan
masukkan dana dalam bajet nanti,"
katanya.

Beliau berkata demikian pada
Majlis Perasmian Seminar Industri
Perladangan Hutan yang diadakan
di sebuah hotel terkemuka di sini,
semalam.

Sebanyak 19 kertas kerja diben-

tangan dalam seminar dua hari
itu yang disertai 200 peserta terdiri
daripada agensi kerajaan, institu-
si pengajian tinggi dan pemegang
Lesen Penanaman Hutan (LTF).

Seminar itu turut disertai oleh
peserta dari Sabah, Semenanjung
Malaysia, China dan Indonesia
secara talian melalui aplikasi zoom.

Abang Johari berkata, Jabat-
an Hutan Sarawak sebagai agen-
si utama boleh memainkan per-
anan untuk menyelaraskan aktiviti
R&D.

"Pada masa yang sama, pe-
nyelidik anda juga dapat dilatih
dan mengambil bahagian dalam
program penyelidikan," katanya.

Pada majlis sama, Abang Johari
menggesa pemain-pemain industri
perkayuan di Sarawak supaya lebih
kreatif dan inovatif dalam meng-
hasilkan produk kayu dengan nilai
tambah yang tinggi.

"Bukan sahaja menanam pokok
yang tumbuh dengan cepat tetapi
juga melihat nilai tambah dan
kepelbagaiannya produk akhir, con-
tohnya produk hiasan, hadiah dan
lain-lain daripada hanya memberi
tumpuan produk tradisional se-
perti papan lapis dan perabot,"
katanya.

"Memiliki ladang yang baik tida-
klah memadai jika kita tidak meli-
hat rantai nilai keseluruhan,"
katanya.



MELAWAT... Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg melawat tapak pameran selepas merasmikan Seminar Industri Perladangan Hutan yang diadakan di Miri, semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Men-
teri, Datuk Amar Awang Tengah
Ali Hasan, Menteri Pengangkutan,
Datuk Lee Kim Shin, Menteri Muda
Pembangunan Bandar dan Sumber

Asli, Datu Len Talif Salleh, Menteri
Muda Pelancongan, Kesenian dan
Kebudayaan Sarawak, Ahli Dewan
Undangan Negeri (ADUN) Lambir,
Ripin Lamat, ADUN Telang Usan,

Dennis Ngau, Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan Bandar
dan Sumber Asli, Datu Zaidi Mahdi
dan Pengarah Hutan Sarawak, Datu
Hamden Mohammad.